



KOPI PAHIT

Di dalam siaran-siaran radio Arab, apabila juruhebah-juruhebah menyebut peristiwa perundingan antara Malaysia dengan Indonesia selalu mereka menyebut nama Syed Adam Malik dan Syed Abdul Razak dan Amir Abdul Rahman (Tengku Abdul Rahman). Apakah dirunsingkan lagi oleh saudara Othman Wok kerana boleh jadi nama beliau juga disebut Syed Usman Wok kalau berita beliau ada disiarkan di dalam radio yang dipancarkan dari negara-negara Arab. Siapa yang mahu melarang dan apa ada halangannya? Semuanya kan orang tahu!

*

Cerita ikan kecil dimakan oleh ikan besar pada hal ikan kecil dah tahu keadaan dirinya tentunya menarik perhatian orang. Kalau ikan kecil dah tahu keadaan dirinya tentu. Kalau mahu hidup berhampiran dengan ikan besar tahu membawa diri -jangan cuba memitok badan ikan atau mata ikan besar kerana mungkin menaikkan kemarahannya – lalu dimakannya ikan kecil sekalipun ia tidak mengenyangkan. Mustahak pula diingat kadang-kadang ikan itu ada pula yang makan anaknya sendiri – sebab itu si kecil berhati-hati membawa mulut – jangan selalu berlagak besar.

*

Ada orang ribut atas kenyataan Tengku bahawa Melayu adalah sedarah sedaging dengan orang-orang Indonesia. Apakah kenyataan ini bukan satau kenyataan yang ternyata dan akan dibuang? Lihat

Tan Sri Sardon asalnya dari mana, Tan Sri Albar dari mana, Samad Ismail dari mana – banyak lagi bahkan ada diantaranya adik kakak masih hidup di Indonesia – juga orang-orang Negeri Sembilan, Melaka, Batu Pahat, Muar dan daerah-daerahnya Perak dan seterusnya. Apakah ini mesti dihapuskan? Apakah orang Cina mahu dihidupkan nama cinanya, india mahu dihidupkan Indianya – dan mereka tidak sedarah sedaging dengan orang-orang Cina di Peking atau Taiwan – dari Jaffna, Malabar dan lain-lainnya? *Subhāna Allāh!* Kalau ada suara-suara seperti ini mahu diambil endah – dan lalu terus-menerus mahu lembutkan gigi dari lidah – tak usahlah menjadi pemimpin – berikan sahaja kepada orang. Bersaralah sudahlah – itulah ringkasnya!

*

Sebab mulut badan binasa – kata pepatah Melayu. Pepatah ini buat zaman sekarang tidak tepat lagi, kerana padah mulut itu kalau mengenai badan sendiri tidak mengapa. Pergi mampuslah! Apa orang peduli? Tetapi kalau akibatnya mengenai orang lain tentu lebih berbencana lagi, kerana boleh menghancurkan penghidupan seluruhnya. Oleh itu orang-orang yang bertanggungjawab mustahak memperhatikan perubahan peribahasa ini. Yang pataut diubah jadi begini “sebab mulut semua binasa”. Setiap orang mestilah ingat kepada pepatah Saiyidina Ali yang lebih tepat dan lebih jitu. “Mulut kamu

harimau kamu” kan patut diingat!

*

Duta kerajaan ‘Arabiyah Sa‘udiyah di Malaysia telah menyampaikan dua hadiah al-Malik Faisal, satu di Pulau Pinang dan satu di Kolej Islam untuk membangunkan dewan pengajian Islam. Berita ini tersiar dua tiga bulan dahulu dan ceknya – telah pun disampaikan kepada yang berkenaan – syukur! Di Singapura hampir-hampir dua tahun dahulu al-Malik Faisal telah menghadiahkan sebanyak £15,000 (126 ribu ringgit) menerusi Konsul Agungnya Syed Ibrahim Alsagoff. Tiga bulan dahulu, dengan kemahuannya membuat syarat, sampai diserahkan kepada Jamiyah untuk bangunannya. Syaratnya jangan Jamiyah campur politik. Syaratnya telah diterima tiga bulan yang lalu tetapi hingga hari ini cek itu belum diserahkan lagi kepada Jamiyah. Apakah sebabnya – orang-orang tidak tahu! Ada apa-apanya kah – *wa Allāhu a‘lam*

*

Khabarnya wang yang tersebut diuntukkan untuk membina semula bangunan Jamiyah. Seorang ahli jawatankuasa Jamiyah, yang lama berkhidmat di dalam Jamiyah telah bermurah hati menjadi arkitek rumah itu dengan tidak ada apa-apa bayaran. Tetapi malangnya, Syed Ibrahim yang masih memegang wang itu tidak mahu menerima pelan yang disiapkannya bahkan menurut punca-punca yang dipercayai mengetahui bahawa dicadangkan supaya syarikat orang putih membuat pelannya yang tentunya akan kena bayaran dua tiga belas ribu ringgit. Kalau begitu ini tentunya terbalik. Percuma dicari orang tetapi sebaliknya percuma dibuang yang dibayar kepada bangsa asing diambil! *Lā hawla walā wa quwwata illā bi‘Llāh!*

Cemeti al-Farouk.